Muhamad Fairous bin Maarof lwn Pendakwa Raya dan satu lagi rayuan

MAHKAMAH RAYUAN (PUTRAJAYA) — RAYUAN JENAYAH NO W-05–58–03 TAHUN 2012 DAN W-05–59–03 TAHUN 2012
BALIA YUSOF, ROHANA YUSUF DAN TENGKU MAIMUN HHMR
20 OGOS 2014

Undang-Undang Jenayah — Dadah berbahaya — s 39B(1)(a) — Pengedaran 402g kanabis — Sabitan dan hukuman — Rayuan terhadap — Perayu-perayu ditangkap semasa cuba menjual dadah berbahaya kepada ejen perangkap — Sama ada perayu-perayu mempunyai pengetahuan mengenai dadah berbahaya — Sama ada hakim bicara terkhilaf apabila gagal memberi pertimbangan wajar tentang wujudnya Man dan peranan yang dimainkan — Sama ada pembelaan perayu-perayu gagal menimbulkan sebarang keraguan yang munasabah — Sama ada tangkapan kedua mengukuhkan kes pembelaan tentang penglibatan Man — Sama ada pembelaan perayu-perayu sebagai satu fikiran terkemudian dan tidak munasabah — Sama ada sabitan dan hukuman selamat

Kedua-dua perayu telah disabitkan dengan pertuduhan di bawah s 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 bagi kesalahan mengedar 402g kanabis dan telah dijatuhkan hukuman mati. Perayu-perayu kini merayu terhadap keseluruhan keputusan tersebut. Di dalam rayuan ini, perayu berhujah, antara lain, bahawa hakim bicara telah terkhilaf apabila gagal memberi pertimbangan wajar tentang wujudnya seorang yang bernama Man dan peranan yang dimainkan. Hakim bicara juga dikatakan telah menyalah tafsirkan pembelaan perayu pertama apabila beliau berkata yang watak Man ini hanya ditimbulkan di peringkat pembelaan, walhal perayu pertama sebenarnya telah menimbulkan penglibatan Man semasa kes pendakwaan lagi. Peguam juga berhujah bahawa peranan Man perlu diberi perhatian atas satu lagi alasan. Selain daripada tangkapan perayu-perayu, terdapat juga tangkapan kedua, di mana SP5 juga berperanan sebagai *agent provocateur* di dalam tangkapan tersebut yang berlaku sejurus selepas kedua-dua perayu ditangkap, melibatkan jenis dadah yang sama dan oleh kumpulan polis yang sama. Perayu-perayu berhujah bahawa tangkapan kedua ini mengukuhkan lagi kes pembelaan tentang penglibatan Man di mana di dalam tangkapan kedua itu, Kamaruzzaman bin Aman adalah kemungkinan besar Man yang disebutkan oleh kedua-dua perayu. Peguam perayu-perayu berhujah bahawa hakim perbicaraan sepatutnya memberi pertimbangan wajar terhadap wujudnya penangkapan kedua dan tidak patut menolak pembelaan perayu-perayu sebagai satu pembelaan fikiran terkemudian dan tidak munasabah.

Diputuskan, menolak rayuan dan mengesahkan sabitan serta hukuman: A

(1) Tidak ada apa-apa salah arah yang dilakukan oleh hakim perbicaraan di dalam menyatakan bahawa perayu tidak menimbulkan pembelaannya semasa kes pendakwaan. Hakim perbicaraan adalah betul dalam penemuannya dan tentunya perkara ini menyokong kuat dapatan hakim perbicaraan bahawa pembelaan perayu-perayu adalah satu fikiran terkemudian semata-mata. Sesuatu pembelaan yang dibuat secara lewat memberikan justifikasi kepada hakim perbicaraan untuk mengurangkan keberatan (*weight*) keterangan tersebut dalam menilai kes pembelaan (lihat perenggan 22). B C

(2) Hakim perbicaraan telah meneliti kes pembelaan dan membuat dapatan bahawa pembelaan perayu-perayu gagal menimbulkan sebarang keraguan yang munasabah terhadap kes pendakwaan atas alasan, sekiranya benar Man yang menyuruh perayu pertama membawa bungkusan beg plastik hitam dan perayu pertama tidak tahu tentang dadah, semasa tangkapan oleh SP1, kenapa pula beg plastik hitam itu tidak ditemui (lihat perenggan 23). D

(3) Beberapa aspek penting yang dikemukakan dalam pembelaan perayu-perayu adalah tidak munasabah. Walaupun tidak mengenali SP5 dan SP6, perayu pertama telah bersetuju untuk menghantar 'satu beg plastik hitam' yang dia sendiri tidak mengetahui kandungan dan tidak pula bertanya kandungannya kepada Man. Perayu pertama juga telah memberi empat jawapan yang berbeza semasa ditanya kenapa perayu pertama yang membawa 'beg plastik hitam' dan menemani perayu kedua, namun tidak ada satu jawapan pun yang memberikan penjelasan yang munasabah. Keterangan perayu kedua bahawa Man menyuruh mereka menyerahkan beg plastik hitam itu adalah tidak munasabah, memandangkan Man boleh menyerahkannya sendiri. Malah, bila Man masuk dari pintu utama, sudah pasti dia boleh nampak SP5 dan SP6 di situ (lihat perenggan 25). E F G

(4) Walaupun hakim perbicaraan tidak membuat dapatan yang spesifik tentang laporan tangkapan kedua di dalam penghakimannya, beliau telah pun memberi penelitian wajar tentang pembelaan yang dikemukakan dan telah menilai serta memberi alasan terperinci kenapa beliau mendapati pembelaan perayu-perayu tidak menimbulkan satu keraguan yang munasabah (lihat perenggan 27). H

(5) Kewujudan Man tidak menyangkal kes pendakwaan, memandangkan rundingan adalah terbukti dibuat antara perayu pertama dan perayu kedua sebelum transaksi penyerahan dadah dibuat oleh perayu pertama kepada SP5. Lagipun, SP1 juga telah memberi penjelasan mengenai tangkapan kedua itu (lihat perenggan 28). I

(6) Apabila diteliti rentetan peristiwa dan perbincangan awal antara perayu kedua dengan SP5 dan SP6, sehingga membawa mereka ke tempat kejadian dan kemudian bertemu dengan perayu pertama di mana perbincangan berhubung pembelian dadah diteruskan, hakim perbicaraan telah membuat dapatan yang betul dan tepat. Ini adalah kerana, pembelaan kedua-dua perayu yang mendakwa mereka tidak tahu kandungan bungkusan yang diserahkan oleh mereka kepada SP5 dan SP6 adalah tidak munasabah dan tidak mungkin benar, memandangkan terdapatnya perbincangan awal tersebut (lihat perenggan 29).

[English summary

Both the appellants were convicted for the offence under s 39B(1)(a) of the Dangerous Drugs Act 1952 for the offence of trafficking 402g of cannabis and was sentenced to death. The appellants appealed against the whole decision. In this appeal, the appellant submitted that, inter alia, the trial judge had erred when he failed to give due consideration about the existence of one Man and the role he played. The trial judge had also misinterpreted the defence of the first appellant when His Lordship pronounced that Man's character was only raised during defence stage when it was the first appellant who had raised Man's involvement during the prosecution's case. Counsel also argued that Man's role must be given consideration based on another reason. Aside from the appellants' arrest, there was also a second arrest where SP5 played the role as an agent provocateur in the said arrest, which took place immediately after both the appellants were arrested, involving drugs of the same type and the same team of police. The appellants argued that the second arrest fortified the defence's case on the involvement of Man where in the second arrest, Kamaruzzaman bin Aman was possibly Man who was mentioned by both the appellants. The appellants' counsel submitted that the trial judge should have given due consideration about the existence of the second arrest and not dismiss the appellants' defence as an afterthought defence and unreasonable.

Held, dismissing the appeal and affirming the conviction and sentence:

(1) There was no misdirection by the trial judge in holding that the appellant did not raise his defence during prosecution's case. The trial judge was correct in his finding and surely, this matter supported the trial judge's finding that the appellants' defence was a mere afterthought. A defence that was made late in the day would give justification to the trial judge to lessen the weight of the evidence in evaluating the defence case (see para 22).

(2) The trial judge had scrutinised the defence case and made a finding that the appellants' defence failed to raise any reasonable doubt against the prosecution's case on the ground that, if it was true that Man had asked the first appellant to bring a black plastic bag and the first appellant did

not know about the drugs during arrest by SP1, why can't the black plastic bag be found (see para 23).

(3) A few important aspects adduced by the appellants' appeal were unreasonable. Even though the first appellant did not know SP5 and SP6, the first appellant had agreed to send a big plastic bag which he himself did not know what the contents were and did not even ask of the same to Man. The first appellant also gave four differing answers when asked as to why he was carrying a big plastic bag and was accompanying the second appellant, none of which gave a reasonable explanation. The evidence of the second appellant that Man had instructed them to hand the bag plastic bag was unreasonable since Man could have handed it himself. In fact, when Man entered from the main door, he could have spotted SP5 and SP6 from there (see para 25).

(4) The trial judge did not make a specific finding about the report of the second arrest in his judgment, he had given due scrutiny on the defence adduced and had evaluated and given detailed grounds as to why His Lordship found the appellants' defence did not raise any reasonable doubt (see para 27).

(5) Man's existence did not dispute the prosecution's case since negotiation was established between the first and second appellants before the transaction of the handing over of the drugs were made by the first appellant to SP5. Furthermore, SP1 too gave explanation on the second arrest (see para 28).

(6) When the chain of events and early negotiations between the second appellant and SP5 and SP6 were scrutinised, until they were brought to the crime scene and later met with the first appellant where the negotiations relating purchase of drugs were proceeded, the trial judge had made the correct and right finding. This was because the defence of both the appellants who claimed they did not know of the contents of the packaging that was handed from them to SP5 and SP6 was unreasonable and possibly untrue, since there was a prior negotiation (see para 29).]

Nota-nota

Untuk kes-kes mengenai s 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952, lihat 4(1) *Mallal's Digest* (4th Ed, 2014 Reissue) perenggan 400–608.

Kes-kes yang dirujuk

Adzahaar bin Ahmad & Anor v PP [1996] 4 MLJ 85, MT (dirujuk)
Alcontara a/l Ambross Anthony v PP [1996] 1 MLJ 209, MP (dirujuk)
Mohamaod Radhi bin Yaakob v PP [1991] 3 MLJ 169; [1991] 1 CLJ (Rep) 311, MA (dirujuk)
PP v Saimin & Ors [1971] 2 MLJ 16 (dirujuk)
Zakaria bin Bintang & Anor v PP [2012] 6 MLJ 644, MR (dirujuk)

Undang-undang yang dirujuk

Akta Dadah Berbahaya 1952 s 39B(1)(a)
Kanun Keseksaan s 34

Rayuan daripada: Perbicaraan Jenayah No 45–1 Tahun 2010 (Mahkamah Tinggi, Kuala Lumpur)

PG Cyril (Cyril & Co) bagi pihak perayu pertama.
Hisyam Teh Poh Teik (Teh Poh Teik & Co) bagi pihak perayu kedua.
How May Ling (Timbalan Pendakwa Raya, Jabatan Peguam Negara) bagi pihak responden.

Rohana Yusuf HMR (menyampaikan penghakiman mahkamah):

[1] Kedua-dua perayu, Muhamad Fairous bin Maarof dan Ahmad Mursyid bin Halim telah secara bersama-sama dituduh dan dibicarakan di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur di bawah s 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 yang dibaca bersama s 34 Kanun Keseksaan bagi kesalahan mengedar 402g kanabis. Perayu pertama Muhamad Fairous bin Maarof adalah OKT 1, manakala perayu kedua Ahmad Mursyid bin Halim adalah OKT 2 di Mahkamah Tinggi.

[2] Kedua-dua perayu telah didapati bersalah dan disabitkan dengan pertuduhan di bawah s 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 ('ADB') pada 28 Februari 2012 dan telah dijatuhkan hukuman mati. Perayu-perayu kini merayu terhadap keseluruhan keputusan tersebut. Kedua-dua perayu telah memfailkan rayuan mereka masing-masing di Mahkamah Rayuan.

[3] Kami telah mendengar rayuan perayu-perayu bersama pada 26 Februari 2014 dan di akhir pendengaran telah memutuskan dengan sebulat suara bahawa rayuan perayu-perayu adalah tidak bermerit dan dengan itu telah ditolak.

[4] Secara ringkasnya, fakta kes ini adalah seperti berikut. Pada 11 Julai 2009 jam lebih kurang 3.30 petang, Inspektor Shamsul bin Musa ('SP1') menerima maklumat melalui telefon dari seorang sumber berhubung aktiviti pengedaran dadah. Setelah berjumpa dengan sumber pada jam 4 petang pada hari yang sama, SP1 telah memberikan taklimat kepada anggota serbuan dan telah melantik D/Kpl Bahar bin Sukarman ('SP5') dan D/L/Kpl Wan Azril bin Wan Mohd Naim ('SP6') sebagai 'agent provocateur'.

[5] Lebih kurang pukul 7 malam, SP1 bersama satu pasukan polis termasuk SP5 dan SP6 telah pergi ke Stesen Minyak Petronas Taman Setiawangsa untuk bertemu dengan sumber. Setelah memperkenalkan SP5 dan SP6 kepada Ahmad Mursyid (perayu kedua), sumber telah meninggalkan tempat tersebut.

[6] Kemudian, SP5 dan SP6 telah berunding untuk membeli 1/2kg ganja dari perayu kedua. Perayu kedua menetapkan harga sebanyak RM1,800. SP5 dan SP6 meminta harga dikurangkan tetapi tidak dipersetujui. Perayu kedua memberitahu bahawa ganja sudah ada dan meminta wang daripada SP5. SP5 walau bagaimanapun tidak memberi wang dan memberitahu yang urusan jual beli adalah secara 'kiri kanan' iaitu ada duit ada dadah. SP5 menunjukkan wang tunjuk kepada perayu kedua. Selepas perayu kedua membuat satu panggilan telefon, dia memberitahu SP5 bahawa penyerahan dadah akan dibuat di Kem Taman Tunku Meriam II Kem Kementah.

[7] SP5, SP6 dan perayu kedua, kemudiannya menaiki sebuah kereta menuju ke Desa Tunku Meriam II Kem Kementah Jalan Padang Tembak, Kuala Lumpur. Kereta tersebut diekori oleh SP1 dan anggota-anggota serbuan yang lain. Sampai di sana perayu kedua memperkenalkan SP5 dan SP6 kepada seorang lelaki yang dikenali sebagai Muhammad Fairous Maarof (perayu pertama).

[8] SP5 meneruskan perbincangan dengan kedua-dua perayu di mana SP5 meminta pengurangan harga tetapi tidak dipersetujui oleh perayu pertama. Perayu pertama kemudiannya telah membuat panggilan telefon dan memberitahu SP5 dan SP6 untuk tunggu di situ sementara beliau pergi mengambil dadah tersebut. Perayu pertama kemudian dilihat keluar daripada kawasan tersebut menaiki motosikal dan kembali semula tidak lama kemudian memberitahu SP5 dan SP6 untuk tunggu di situ kerana dadah tersebut akan sampai sekejap lagi.

[9] SP5 dan SP6 memberitahu kedua-dua perayu yang mereka akan tunggu di pos pengawal di pintu masuk Kem Kementah tersebut. Lebih kurang 10–15 minit kemudian, kedua-dua perayu datang ke pondok pengawal. Mereka semua masuk ke dalam pondok pengawal tersebut. Ketika dalam pondok pengawal perayu pertama mengeluarkan satu bungkusan berbalut surat khabar dari pinggangnya dan duduk di atas bangku di dalam pos pengawal tersebut. Perayu pertama membuka balutan surat khabar (P12b) dan menunjukkan kepada SP6 kandungannya iaitu satu ketulan mampat daun kering kanabis (P12a) dibaluti plastik lutsinar (P12c).

[10] Setelah menerima isyarat tangkapan, SP1 dan anggota lain menyerbu. Bungkusan surat khabar yang ketika itu berada di tangan perayu pertama telah terjatuh ke lantai. Kedua-dua perayu ditangkap dan bungkusan surat khabar yang mengandungi dadah dirampas oleh SP1.

[11] Kedua-dua perayu dibawa balik ke IPK Kuala Lumpur bersama barang kes. Setelah selesai menimbang barang kes, menyediakan Borang Bongkar (P6), laporan polis (P7) dan membuat penandaan ke atas barang kes, SP1

menyerahkan kedua-dua perayu dan barang kes kepada pegawai penyiasat Inspektor Saheedatul Najihah bt Sahul Hameed ('SP7').

[12] Barang kes dihantar ke Jabatan Kimia oleh Inspektor Mohd Azrul Hadi bin Mokhtar ('SP8') untuk dianalisis atas arahan pegawai penyiasat. Hasil analisis oleh ahli kimia, Puan Maimonah bt Sulaiman ('SP2') mendapati keseluruhan kandungan ketulan mampat tersebut adalah dadah berbahaya iaitu 402g kanabis.

[13] Di akhir kes pendakwaan Mahkamah Tinggi telah mendapati bahawa pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan satu kes prima facie terhadap kedua-dua perayu dan memerintahkan mereka untuk membela diri.

[14] Kedua-dua perayu memilih untuk memberikan keterangan secara bersumpah. Perayu pertama dalam pembelaannya berkata bahawa pada 11 Julai 2009 jam lebih kurang 8 malam, beliau berada di Desa Tunku Meriam II. Beliau selalu ke tempat tersebut bagi mencari ilham di kawasan bukit kerana perayu pertama adalah seorang pemuzik. Di sana, beliau telah bertemu dengan Pak Mat, seorang pengawal keselamatan. Ketika bersama Pak Mat, perayu kedua datang ke pondok tersebut bersama dua orang lelaki yang beliau tidak kenali. Dua lelaki tersebut kemudian menunggu di pondok bawah manakala perayu pertama, perayu kedua dan Pak Mat berada di kawasan atas bukit. Selepas itu, kawan mereka yang dikenali sebagai Man datang ke kawasan tersebut bersama seorang anak kecil. Man bertanya perayu kedua tentang dua lelaki yang dibawanya. Perayu kedua memberitahu yang kawannya itu berada di pondok bawah. Man kemudiannya meminta perayu kedua untuk menyerahkan satu bungkusan surat khabar kepada dua lelaki tersebut kerana Man hendak menjaga anaknya. Perayu kedua meminta beliau menemaninya ke pondok pengawal. Perayu pertama membawa bungkusan tersebut ke pondok bawah untuk diserahkan kepada kedua-dua lelaki yang menunggu di situ. Perayu pertama menafikan bahawa beliau mengetahui isi kandungan bungkusan surat khabar yang dibawa. Apabila sampai di pondok bawah mereka telah diserbu oleh anggota serbuan. Perayu pertama menafikan bahawa bungkusan tersebut diselitkan di seluarnya dan menafikan seluar yang dikemukakan di mahkamah adalah miliknya.

[15] Perayu kedua pula, menyatakan bahawa pada 11 Julai 2009 jam lebih kurang 6.30 petang, beliau berada di Internet Setiawangsa Cyber Cafe melayari internet. Tidak lama kemudian kawannya bernama Awie meminta beliau menghantar motosikal kepada kawannya, Muhamad Fairous bin Maarof (perayu pertama). Tidak lama kemudian kawannya Ajun datang mengajak perayu kedua menemaninya berjumpa kawan di Stesen Minyak Petronas Setiawangsa. Perayu kedua telah bersetuju untuk temankan Ajun. Di stesen minyak tersebut mereka berjumpa dengan dua orang lelaki yang mengajak

mereka minum di sebuah Restoran Juma. Di Restoran Juma, Ajun telah bersembang dengan dua orang lelaki tersebut. Manakala, perayu kedua naik ke *cyber cafe* berjumpa Awie. Awie memaklumkan bahawa dia akan menghantar motor itu kepada perayu pertama sendiri. Selepas itu, Ajun telah meminta perayu kedua untuk membawa dua orang lelaki tersebut berjumpa dengan kawan mereka bernama Man di Desa Tunku Meriam II. Perayu kedua pun menaiki kereta bersama dua orang lelaki tersebut untuk berjumpa dengan Man. Di sana perayu kedua telah berjumpa dengan Man dan perayu pertama. Selepas itu Man meminta perayu pertama menyerahkan satu bungkusan beg plastik hitam kepada dua orang lelaki tersebut yang sedang menunggu di pondok bawah. Perayu kedua menemani perayu pertama ke pondok bawah tersebut. Apabila sampai ke pondok bawah mereka telah diserbu dan ditangkap oleh anggota serbuan.

[16] Di akhir kes pembelaan, YA hakim bicara mendapati perayu-perayu telah gagal menimbulkan keraguan munasabah terhadap kes pendakwaan dan kedua-dua perayu disabitkan kesalahan.

[17] Bagi pihak perayu pertama, peguam Encik PG Cyril pada asasnya telah menumpukan hujahan beliau terhadap satu isu utama. Peguam berhujah, YA hakim bicara telah khilaf apabila gagal memberi pertimbangan wajar tentang wujudnya Man dan peranan yang dimainkan. Peguam perayu kedua, Encik Hisyam Teh Poh Teik juga turut berhujah mengenai isu ini. Adalah asas hujahan peguam perayu pertama bahawa YA hakim bicara telah dengan sewenang-wenangnya membuat penemuan bahawa pembelaan perayu-perayu adalah semata-mata satu pemikiran terkemudian ('afterthought'), tidak munasabah dan tidak mungkin benar. YA hakim bicara juga dikatakan telah menyalah tafsirkan ('misconstrued') pembelaan perayu pertama apabila beliau berkata yang watak Man ini hanya ditimbulkan di peringkat pembelaan, walhal perayu pertama sebenarnya telah menimbulkan penglibatan Man semasa kes pendakwaan lagi. Peguam perayu pertama seterusnya berhujah bahawa dengan itu adalah tidak wajar bagi YA hakim bicara menolak kewujudan dan peranan Man.

[18] Peguam perayu pertama juga berhujah bahawa peranan Man perlu diberi perhatian atas satu lagi alasan. Selain daripada tangkapan perayu, terdapat juga tangkapan kedua, di mana SP5 juga berperanan sebagai *agent provocateur* di dalam tangkapan tersebut. SP1 telah mengemukakan laporan tangkapan kedua melalui eksh P9. Dalam tangkapan kedua tersebut, dua orang yang terlibat adalah Kamaruzzaman bin Aman dan Ahmad bin Itam. Tangkapan kedua ini juga melibatkan jenis dadah yang sama, dan tangkapan juga dibuat oleh kumpulan polis yang sama. Ianya juga berlaku sejurus selepas kedua-dua perayu ditangkap. Dihujahkan bahawa faktor tangkapan kedua ini mengukuhkan lagi kes pembelaan perayu-perayu tentang penglibatan Man.

Adalah ketara mengikut peguam perayu terutamanya, apabila di dalam tangkapan kedua itu, Kamaruzzaman bin Aman adalah kemungkinan besar Man yang disebutkan oleh kedua-dua perayu.

[19] Peguam berhujah, YA hakim bicara sepatutnya memberi pertimbangan wajar terhadap wujudnya penangkapan kedua dan tidak patut menolak pembelaan perayu-perayu sebagai satu pembelaan fikiran terkemudian dan tidak munasabah.

[20] Peguam perayu menarik perhatian mahkamah yang undang-undang hanya memerlukan agar perayu menimbulkan keraguan munasabah (sila lihat *Public Prosecutor v Saimin & Ors* [1971] 2 MLJ 16, *Mohamaod Radhi bin Yaakob v Public Prosecutor* [1991] 3 MLJ 169 ms 171 ; [1991] 1 CLJ (Rep) 311 (SC) ms 315. Peguam perayu menekankan bahawa fakta-fakta di atas adalah cukup untuk menimbulkan keraguan munasabah di pihak perayu ke atas kes pendakwaan.

[21] Sebelum kami membuat pertimbangan lanjut ke atas hujahan peguam mengenai kegagalan YA hakim bicara memberi pertimbangan wajar mengenai pembelaan perayu-perayu, adalah perlu diteliti dahulu sama ada hujahan peguam yang YA hakim bicara telah salah tafsir tentang pembelaan perayu mengenai penglibatan Man adalah benar. Peguam berhujah yang terdapatnya salah arah yang serius oleh YA hakim bicara yang membuat dapatan bahawa perayu-perayu menimbulkan watak Man dan plastik hitam hanya semasa kes pembelaan walaupun terdapatnya pemeriksaan balas saksi-saksi pendakwaan mengenai Man. Kami telah memberi penelitian wajar mengenai hujahan ini. Dalam hal ini, kami merujuk kepada dapatan YA hakim bicara yang berkata:

> Adalah diperhatikan bahawa perkara plastik hitam dan watak Man ini hanya timbul di perigkat pembelaan. Perkara ini tidak pernah disebut dalam soal balas mana-mana saksi pendakwa.

[22] Kami juga telah meneliti hujahan peguam perayu pertama yang menegaskan terdapatnya soalan balas di peringkat kes pendakwaan di mana SP1, SP5 dan SP6 dikatakan telah disoal balas mengenai perkara plastik hitam dan penglibatan Man. Dengan lain perkataan peguam berhujah bahawa perayu pertama telah mematuhi keperluan menimbulkan pembelaannya seawal mungkin, sebagaimana diputuskan di dalam kes *Alcontara a/l Ambross Anthony v Public Prosecutor* [1996] 1 MLJ 209. Kami telah meneliti soalan balas dan keterangan saksi-saksi SP1, SP5 dan SP6 di dalam rekod rayuan dengan penuh teliti. Kami dapati apa yang disoal balas kepada saksi-saksi pendakwaan di atas adalah semata-mata mengenai kes penangkapan kedua. Saksi-saksi SP1, SP5 dan SP6 disoal balas mengenai penglibatan mereka dalam tangkapan tersebut. Tidak terdapat apa-apa soalan mengenai Man atau plastik hitam dikemukakan kepada saksi pendakwaan sebagaimana dihujahkan oleh

peguam perayu pertama. Peguam perayu pertama telah dengan itu memberi gambaran yang tidak tepat dalam penghujahannya. Dengan itu, kami dapati adalah betul apa yang diputuskan oleh YA hakim bicara, bahawa isu plastik hitam dan Man tidak pernah disoal kepada mana-mana saksi pendakwaan. Soalan-soalan mengenai tangkapan kedua tidak boleh disamakan dengan soalan mengenai plastik hitam atau Man. Dengan itu, kami dapati tidak ada apa-apa salah arah yang dilakukan oleh YA hakim bicara di dalam menyatakan bahawa perayu tidak menimbulkan pembelaannya semasa kes pendakwaan. YA hakim bicara adalah betul dalam penemuannya dan tentunya perkara ini menyokong kuat dapatan YA hakim bicara bahawa pembelaan perayu-perayu adalah satu fikiran terkemudian semata-mata. Sesuatu pembelaan yang dibuat secara lewat memberikan justifikasi kepada YA hakim bicara untuk mengurangkan keberatan ('weight') keterangan tersebut dalam menilai kes pembelaan (sila lihat kes *Alcontara*).

[23] Seterusnya adalah diperhatikan juga bahawa alasan dan hujahan yang dikemukakan perayu-perayu adalah satu hujahan yang melibatkan dapatan fakta oleh YA hakim bicara. Di dalam penghakimannya, YA hakim bicara telah meneliti kes pembelaan dan telah memberi alasan kenapa dia menolak pembelaan perayu seperti mana dihuraikan di ms 35–39 rekod rayuan. YA hakim bicara membuat dapatan bahawa pembelaan perayu-perayu gagal menimbulkan sebarang keraguan yang munasabah terhadap kes pendakwaan atas alasan, sekiranya benar Man yang menyuruh perayu pertama membawa bungkusan beg plastik hitam dan perayu pertama tidak tahu tentang dadah, semasa tangkapan oleh SP1, kenapa pula beg plastik hitam itu tidak ditemui.

[24] Perayu pertama juga menafikan seluar (eksh P16) adalah seluar yang dipakainya pada malam kejadian, padahal gambar tersebut diambil sejurus selepas tangkapan. Dengan erti kata lain, perayu pertama secara tidak langsung membayangkan seolah-olah pegawai penyiasat telah menukar barang kes terhadap perayu pertama. Dakwaan ini adalah tidak munasabah kerana tiada sebab untuk pegawai penyiasat berbuat demikian. Tambahan lagi, gambar seluar tersebut adalah diambil sejurus selepas tangkapan mereka berdua. Malah gambar tersebut diambil bersama dengan gambar bungkusan dadah yang dirampas.

[25] Daripada penilaian di atas dan setelah meneliti penghakiman YA hakim bicara secara menyeluruh, kami mendapati YA hakim bicara telah membuat penelitian wajar ke atas pembelaan kedua-dua perayu. Di dalam hal ini, YA hakim bicara mendapati terdapat beberapa aspek penting yang dikemukakan dalam pembelaan perayu-perayu yang tidak munasabah. Pertamanya, hakikat bahawa perayu pertama, walaupun tidak mengenali SP5 dan SP6 telah bersetuju untuk menghantar 'satu beg plastik hitam' yang dia sendiri tidak mengetahui kandungan dan tidak pula bertanya kandungannya kepada Man.

A Dalam perkara ini juga, YA hakim bicara juga meragui keterangan perayu kedua. Ini adalah kerana mengikut perayu kedua, Man memandu masuk dari pintu utama Kem Kementah pada jam lebih kurang 8.30 malam dan juga bersetuju bahawa ketika itu SP5 dan SP6 sudah menunggu di pondok bawah. Keterangan perayu kedua bahawa Man menyuruh mereka menyerahkan beg
B plastik hitam itu adalah tidak munasabah, memandangkan Man boleh menyerahkannya sendiri. Malah, bila Man masuk dari pintu utama, sudah pasti dia boleh nampak SP5 dan SP6 di situ.

C **[26]** YA hakim bicara mendapati perayu pertama memberi empat jawapan yang berbeza semasa ditanya oleh peguambela, kenapa perayu pertama yang membawa 'beg plastik hitam' dan menemani perayu kedua, namun tidak ada satu jawapan pun yang memberikan penjelasan yang munasabah.

D **[27]** Kami bersetuju dengan hujahan TPR (Puan How May Ling), bahawa walaupun YA hakim bicara tidak membuat dapatan yang spesifik tentang lapuran tangkapan kedua D9 di dalam penghakimannya, beliau telah pun memberi penelitian wajar tentang pembelaan yang dikemukakan dan telah menilai serta memberi alasan terperinci kenapa beliau mendapati pembelaan
E perayu-perayu tidak menimbulkan satu keraguan yang munasabah.

[28] Kami juga bersetuju dengan hujahan TPR bahawa kewujudan Man tidak menyangkal kes pendakwaan, memandangkan rundingan adalah terbukti dibuat di antara perayu pertama dan perayu kedua sebelum transaksi
F penyerahan dadah dibuat oleh perayu pertama kepada SP5. Lagipun, SP1 juga telah memberi penjelasan mengenai tangkapan kedua ini. Mengikut keterangan SP1, pada 12 Julai 2009, SP1 dan anggotanya selepas menangkap kedua-dua perayu telah berpatah balik membuat tangkapan terhadap dua orang lelaki Melayu di kawasan yang sama.

G

[29] Apabila diteliti rentetan peristiwa dan perbincangan awal antara perayu kedua dengan SP5 dan SP6, sehingga membawa mereka ke tempat kejadian dan kemudian bertemu dengan perayu pertama di mana perbincangan berhubung pembelian dadah diteruskan, kami mendapati YA hakim bicara
H telah membuat dapatan yang betul dan tepat. Ini adalah kerana, pembelaan kedua-dua perayu yang mendakwa mereka tidak tahu kandungan bungkusan yang diserahkan oleh mereka kepada SP5 dan SP6 adalah tidak munasabah dan tidak mungkin benar, memandangkan terdapatnya perbincangan awal itu.

I **[30]** Selain daripada isu mengenai pembelaan, peguam perayu kedua telah juga mengutarakan beberapa perkara lain. Pertama, beliau berhujah, bahawa rantaian kes pendakwaan telah terputus kerana ada pertelingkahan keterangan SP5, SP6 dan SP1 mengenai wang tunjuk. Keterangan SP5 dan SP6 adalah SP1 memberikan wang tunjuk kepada SP5 yang mana beliau telah

menyimpannya di dalam sampul dan sampul itu dimasukkan ke dalam poket seluarnya. Manakala, SP1 pula memberi keterangan bahawa beliau memberi wang RM2,000 sebagai urusan menjual beli kepada sumber. Pertelingkahan ini tidak diselesaikan oleh pihak pendakwaan dan peguam berhujah ianya menimbulan persoalan tentang sama ada SP5 dan SP6 adalah saksi yang kredibel. Beliau berlandaskan hujahan kepada kes *Adzahaar bin Ahmad & Anor v Public Prosecutor* [1996] 4 MLJ 85.

[31] Seterusnya, dihujahkan oleh peguam perayu kedua bahawa tidak terdapat keterangan yang menjelaskan bagaimana sumber berjumpa dengan SP1, SP5 dan SP6 dan tidak wujud keterangan yang sumber bersetuju untuk memperkenalkan perayu kepada SP1, SP5 dan SP6.

[32] Kami bersetuju dengan hujahan TPR bahawa isu mengenai wang tunjuk bukannya satu perkara pokok bagi membuktikan pengedaran dadah dalam kes ini. Walaupun terdapatnya pertelingkahan, namun ianya adalah satu perkara yang tidak material dan tidak menjejaskan kes pendakwaan (lihat kes *Zakaria bin Bintang & Anor v Public Prosecutor* [2012] 6 MLJ 644). Dengan itu, kami mendapati alasan yang dikemukakan ini adalah juga tidak bermerit.

[33] Setelah meneliti rekod rayuan di hadapan kami, kami berpuas hati bahawa YA hakim bicara tidak membuat apa-apa kekhilafan dari segi fakta mahupun undang-undang yang mewajarkan kami campur tangan dalam dapatannya. Dengan itu, kami telah menolak rayuan kedua-dua perayu dan mengesahkan sabitan serta hukuman yang dibuat oleh Mahkamah Tinggi.

Rayuan ditolak; sabitan dan hukuman disahkan.

Dilaporkan oleh Ashgar Ali Ali Mohamed